

Tidak Mustahil BN Menang Majoriti Dua Pertiga Pada PRU13 - Ahmad Maslan
Bernama
08 Julai, 2012

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Tiada istilah 'mustahil' untuk Barisan Nasional (BN) serta Umno memenangi pilihan raya umum akan datang dengan jumlah kerusi dua pertiga di Parlimen kata Ketua Penerangan Umno Datuk Ahmad Maslan.

Beliau berkata kalau dalam pilihan raya lepas BN serta Umno sendiri tidak menyangka Selangor dan Pulau Pinang boleh jatuh ke tangan pembangkang sehingga ia benar-benar terjadi.

"Dalam politik tidak wujud istilah mustahil kerana dahulu kita (Umno) sendiri tidak menyangka Selangor dan Pulau Pinang akan bertukar tangan.

"Oleh sebab itu tidak mustahil untuk kita memasang hajat mendapatkan semula negeri-negeri yang telah kita pinjamkan kepada pembangkang dengan memenangi pilihan raya akan datang dengan keputusan lebih cemerlang," katanya kepada Bernama selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Pemuda Umno Petaling Jaya Utara 2012 di Kelab Ekuestrian Bukit Kiara.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=678956>